

Fahami wasiat dalam merancang harta pusaka

Menulis wasiat adalah satu mekanisme perancangan harta pusaka yang disarankan kepada umat Islam. Ia bertujuan mengatasi masalah utama yang membelenggu pengurusan dan pentadbiran harta pusaka umat Islam di Malaysia iaitu masalah harta pusaka beku. Bagaimanapun, jangan terperanjat jika pendapat ini tidak diterima oleh orang lain terutama umat Islam di negara yang perundangannya tidak memerlukan kepada wasiat untuk harta pusaka mereka diuruskan.

Inilah yang terjadi kepada penulis ketika membentangkan kertas kerja pada persidangan antarabangsa. Rupa-rupanya apa yang penulis cuba sampaikan bercanggah dengan amalan semasa masyarakat Islam di negara tertentu. Kesannya, penulis menilai semula maksud 'wasiat' dalam konteks budaya masyarakat Melayu, perundangan Islam dan perundangan sivil di Malaysia.

Sebelum menerangkan maksud wasiat dalam perancangan harta pusaka, adalah penting untuk kita fahami sistem pusaka Islam. Sistem pusaka Islam terdiri daripada beberapa komponen. Komponen atau instrumen paling utama dan menjadi asas kepada sistem pusaka Islam adalah sistem faraid. Ada komponen lain dalam sistem pusaka Islam seperti wasiat, hibah dan wakaf iaitu pelengkap kepada sistem faraid.

Sistem faraid

Faraid adalah sistem perundangan perwarisan Islam menetapkan siapa waris yang sah dan berapa bahagian harta pusaka yang berhak diterima. Wasiat pula adalah pemberian yang berlaku selepas kematian, tertakluk kepada dua syarat iaitu pemberian itu tidak boleh diberikan kepada waris yang layak menerima pusaka melalui sistem faraid dan nilai pemberian tidak boleh melebihi satu pertiga daripada harta pusaka ditinggalkan. Wasiat sebegini dipanggil *bequest* dalam bahasa Inggeris.

Wasiat dalam konteks amalan masyarakat Melayu ada kalanya tidak menepati konsep wasiat dalam perundangan Islam. Ironinya, gambaran yang sama diulang tayang dalam cerita Melayu. Antaranya wasiat di mana rumah pusaka mesti diberikan kepada anak bongsu, harta pusaka mesti dibahagi sama rata dan wasiat yang dibuat untuk halang waris yang sah menerima harta pusaka. Wasiat sebegini tidak sah kerana ia tidak penuhi dua syarat utama yang dinyatakan. Dalam keadaan tertentu, jika waris bersetuju, wasiat yang

tidak memenuhi syarat tadi boleh dilaksanakan.

Apabila anda bertanya kepada seseorang 'Adakah anda sudah membuat wasiat?' Jawapan yang diberikan ialah 'Ya, saya sudah membuat wasiat', maksud wasiat yang anda dan dia fahami mungkin berbeza. Kandungan wasiat itu perlu diteliti untuk memastikan wasiat dibuat adalah sah dan boleh diguna pakai untuk memudahkan urusan pentadbiran dan pengurusan harta pusaka.

Oleh kerana urusan pentadbiran harta pusaka orang Islam di Malaysia turut membabitkan perundangan sivil, maka wasiat berkenaan mesti boleh berfungsi sebagai 'dokumen perancangan pengurusan harta pusaka.' Dokumen wasiat itu boleh mengandungi pelbagai kandungan termasuk pesanan membayar hutang, pemberian harta pusaka kepada individu bukan waris, pesanan mewakafkan sebahagian harta pusaka dan lantikan penjaga kepada anak di bawah umur. Bagaimanapun, untuk menjadikan wasiat itu sebagai dokumen perancangan pengurusan harta pusaka yang boleh digunakan untuk mengelak harta pusaka daripada beku dan mengelak harta pusaka berkenaan diuruskan di bawah undang-undang 'intestate' yang akan merumitkan lagi keadaan, dokumen wasiat perlu mampu menjalankan peranan sebagai 'wisoyah' ataupun 'wisayah' di mana dokumen mesti mengandungi pelantikan pentadbir harta pusaka atau 'wasi'. Wasi inilah yang diberikan kuasa untuk urus dan tadbir harta pusaka si mati. Dalam keadaan ini, dokumen wasiat itu dikenali dalam bahasa Inggeris sebagai *an Islamic will*.

Kekeliruan wasiat

Kekeliruan mengenai maksud wasiat dalam konteks perancangan harta pusaka adalah perkara pertama yang perlu diselesaikan. Apabila amalan dan kefahaman masyarakat Islam di Malaysia mengenai amalan wasiat tidak sama seperti dituntut oleh perundangan Islam dan perundangan sivil di Malaysia, maksud sebenar wasiat sebagai alat pengurusan harta pusaka tidak tercapai sepenuhnya. Jika anda buat wasiat, telitilah semula kandungannya. Ia mungkin tidak sempurna seperti anda fikirkan.

Penulis

ialah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Ekonomi dan Ahi Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Kewangan Islam (EKONIS-UKM), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM



DR MARIMUTHU NADASON



DR SUHAILI ALMA'AMUN